

**DAP gesa kerajaan lindungi kepentingan pelajar perubatan Universiti
Perdana
Malaysian Insider
Aug 18, 2014**

DAP menggesa Putrajaya mengambilkira kepentingan pelajar Sekolah Perubatan Siswazah Universiti Perdana (Pugsom) selepas Universiti Johns Hopkins, Amerika Syarikat (AS) menarik balik kurikulumnya daripada universiti berkenaan.

Pengarah Strategi DAP Dr Ong Kian Ming berkata menjadi tanggungjawab kerajaan memastikan kaedah yang telus dan adil bagi memastikan pelajar sedia ada dapat bergraduasi.

"Kerajaan juga perlu berhenti menghantar pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ke Universiti Perdana untuk program Pugsom jika kebolehan pemiliknya Academic Medical Center Sdn Bhd dipersoalkan.

"Rundingan secara baik bersama pihak berkepentingan terutamanya pelajar dan ibu bapa perlu diadakan.

"Kebajikan pelajar perubatan semasa dan akan datang perlu dipelihara dan tidak boleh dipandang ringan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

The Malaysian Insider hari ini melaporkan institusi pendidikan terkemuka Sekolah Perubatan, Universiti John Hopkins menarik diri daripada Pugsom kerana sering lewat menerima bayaran.

Institusi perubatan AS itu berkata mereka "mengambil keputusan sukar" menamatkan kerjasama di Pugsom – hospital pendidikan swasta pertama Malaysia dengan fasiliti penyelidikan – kerana pembayaran kepada John Hopkins sering lewat mengikut kontrak dan bayaran tertangguh selama 12 bulan semasa kerjasama diakhiri bulan lepas.

"Ia merupakan satu penghormatan untuk membantu mencipta model baru pendidikan perubatan di Malaysia dengan memberikan bimbingan dan nasihat

kepada Pugsom dan menolong dalam pengajaran dan permulaan institusi tersebut," kata Pengarah Pemasaran dan Komunikasi Lindsay R Rothstein kepada The Malaysian Insider melalui email.

"Bagaimanapun, kami mengambil keputusan sukar untuk mengakhiri kerjasama kerana bayaran ditetapkan mengikut kontrak untuk perkhidmatan diberikan Johns Hopkins dan fakulti sering lewat dan ketika perjanjian ditamatkan, Johns Hopkins tidak dibayar selama 12 bulan tempoh bekerja."

Ong juga menggesa Putrajaya menghentikan dana RM2.3 bilion kepada Projek Usahasama Swasta bagi membina kampus Universiti Perdana yang terdiri daripada sekolah hospital dengan 600 buah katil.

Katanya, projek itu diberikan kepada Chase Perdana yang merupakan syarikat induk kepada Academic Medical Center mengundang persoalan apabila syarikat pembinaan diberikan tanah dan lesen mengoperasikan universiti perubatan.

"Berdasarkan akaun kewangan yang dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat, Academic Medical Center mempunyai rizab negatif RM189 juta dan kerugian RM63.6 juta pada penghujung 2013," katanya.

Ahli Parlimen Serdang itu berkata berdasarkan tinjauannya secara tidak rasmi terhadap sebahagian kakitangan fakulti Johns Hopkins di Universiti Perdana, mereka sangat teruja untuk mengajar dan mahu menyuburkan budaya penyelidikan di Malaysia.

Katanya, berdasarkan satu kiriman blog, jelas warga fakulti Johns Hopkins mahu mencabar pelajar program Pugsom untuk bertanya lebih banyak soalan dan berfikir secara lebih kritis.

"Malangnya, warga fakulti berkenaan tidak lagi memiliki peluang tersebut dan pelajar di Pugsom tidak lagi boleh berhubung dengan mereka.

"Saya berharap ini bukanlah contoh Perkongsian Lanun Awam yang berselindung di

sebalik Perkongsian Swasta Awam di mana pihak swasta meraih faedah kewangan dengan orang awam terpaksa menanggung kos,” katanya. – 18 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-gesa-kerajaan-lindungi-kepentingan-pelajar-perubatan-universiti-perdana>